

سوارا مسجد العظيم Suara Masjid Al-Azim



JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 8/5/2009

USTAZ HASBULLAH BIN SELAH @ SALIM - IMAM 1

USTAZ MOHD AL HAFIZ BIN ASARI - BILAL

(Tajuk Khutbah : Aqidah Benteng
Kekuatan Ummah)

JADUAL SOLAT HARI INI

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
5.42	7.01	1.10	4.30	7.15	8.27	5.32

No. Tel : 06-284 1142 Faks : 06-286 0435 Website : www.al-azim.com Email : maazim@streamyx.com

Bil. 19/2009

Tarikh: 8 Mei 2009 / 13 Jamadilawal 1430H

PERCUMA

Tazkirah

DEMIKIANLAH MASA MENCERITAKAN KEPADA KITA

Sambungan dari minggu yang lepas

13. Tiga Ulama.

Saya mengetahui tiga orang ulama yang termasuk dalam kelompok ulama kontemporari terbaik sama ada dalam ilmu, amal, istiqamah mahupun peranan mereka terhadap umat. Ketiga-tiga ulama tersebut adalah:

Pertama, Syeikh Abdul Aziz bin Baz (semoga Allah S.W.T. melimpahkan rahmat kepadanya), saya sungguh kagum terhadap istiqamahnya mengikut hadith, semangatnya mengambil manfaat dari ilmu yang dimiliki, mempunyai banyak sekali sifat-sifat yang baik seperti dermawan, halus, sabar, alim, takwa, zuhud, cinta kepada segala kebaikan dan tawaduk. Dia adalah seorang imam yang boleh dijadikan contoh dan teladan. Semoga Allah S.W.T. memberikan balasan yang baik kepadanya, mengangkat darjatnya dan menempatkannya di dalam Syurga Firdaus tertinggi.

Kedua, Syeikh Nasiruddin al-Albany, pakar hadith kontemporari. Saya kagum terhadap kesabaran, kesungguhan dan ketabahannya di dalam belajar, kagum terhadap karya-karyanya yang berkualiti, kesabarannya untuk melakukan analisis dan *mentakhrij* hadith, pembelaannya terhadap sunnah, istiqamahnya mengikut minhaj generasi salaf. Usianya yang panjang majoritinya digunakan dalam kebaikan dan banyak menghasilkan karya. Semoga Allah S.W.T. memberikan keberkatan pada amal dan ilmunya.

Ketiga, yang mulia syeikh Al-'Allaamah Muhammad al-Salih al-Uthaimin. Saya kagum terhadap dirinya kerana memiliki pemahaman yang sangat kuat, cermat di dalam mengambil kesimpulan sebuah hukum, penghayatan dan pemahamannya terhadap *maqashid* (nilai dasar atau kepentingan sesuatu hukum), kemampuan-

nya menyampaikan ilmu kepada orang lain dengan baik, hanya berpegang pada dalil, memiliki keluasan ilmu dan wawasan, ditambah dengan karya-karyanya yang berkualiti, tidak suka terhadap masalah-masalah yang menyimpang yang keluar dari kaedah agama dan pendapat-pendapat yang aneh. Semoga Allah S.W.T. mengumpulkan kita bersama mereka di dalam istana kemuliaan-Nya, memberikan kemanfaatan kepada kita dengan ilmu-ilmu mereka dan memberikan akhir yang baik kepada kita dan mereka.

14. Jiwa Yang Bertenaga.

Jiwa seorang penceramah mesti hidup, penuh semangat dan menjiwai setiap ucapannya. Ia mesti ikut mengalir bersama kalimat-kalimat dan ungkapan-ungkapan yang disampaikan. Memberikan pengaruh dan semangat kepada para pendengar, kerana jiwa yang sejuk dan tidak bersemangat tidak layak untuk memberikan sesuatu kepada orang lain.

Sesungguhnya, jalinan emosi di antara penceramah dengan apa yang disampaikan merupakan pintu utama kejayaan, keunggulan dan bersinarnya bintang seorang penceramah. Sesungguhnya, jiwa yang tidak bersemangat dan tidak memiliki jalinan emosional dengan apa yang diucapkan akan menjauhkan jiwanya dari tema pembicaraannya. Ia tidak akan mampu menyinari orang lain, tidak mampu berkomunikasi dengan mereka, tidak mampu mengajak isi hati dan perasaan mereka. Tidak patut seorang penceramah berdiri di depan para hadirin dengan jiwa yang lemah dan lesu serta tidak bersemangat, kerana kekurangan ini akan sangat berpengaruh terhadap ceramah yang akan disampaikan. Oleh itu, apabila jiwa seorang penceramah lemah dan

lesu, maka ceramahnya akan sangat tidak menarik.

15. Penyair-Penyair Itu Diikuti Oleh Orang-Orang Yang Sesat.

Secara jujur saya katakan bahawa saya melarang kamu untuk turut serta bersama para penyair di dalam syair-syair mereka. Ini kerana mereka adalah orang-orang yang gemar berkhayal, berbicara seenaknya, mengadakan dan berlebih-lebihan. Mereka adalah orang-orang yang jauh dari hakikat dan realiti kecuali jika mendapatkan rahmat Allah S.W.T. Apabila memuji, maka mereka akan memuji berlebihan hingga pujiannya tersebut tidak sesuai dengan kenyataan yang ada. Apabila mencela, maka mereka akan menggunakan semua ungkapan yang kasar, keras dan pedih.

Mereka mengembara bersama bayang-bayang keindahan untuk bertemu dengan kekasih dan kerinduan. Mereka menangis kerana ditinggal pergi sang kekasih dan tidak berjaya mendapatkan cintanya. Meskipun mereka memiliki kelembutan hati di dalam karya-karya syairnya, namun hati mereka keras jika sudah berhubungan dengan masalah agama. Sangat sedikit daripada mereka yang menangis ketika mendengar bacaan Al-Quran, kerana syair telah menutup hati mereka daripada pengaruh Al-Quran.

Mereka adalah orang-orang yang sangat sedikit untuk berzikir kepada Allah S.W.T. kerana mereka telah sibuk mengingat banyak syair, sibuk meriwayatkan syair dan mencari-cari syair yang boleh mereka jadikan dalil. Waspadalah, jangan sampai kamu mengikuti langkah mereka, kerana secara syarak kamu dilarang untuk mengikuti perkara-perkara yang dilakukan oleh para penyair tersebut. Usia sangat berharga, oleh itu janganlah digunakan untuk membaca syair *khamriyyaat* (syair yang berbicara mengenai minuman keras) Imru' al-Qais, membaca syair senda gurau Abu Nuwas, *syathahat al-Mutanabby*, syair-syair al-Ma'arry yang menyesatkan dan syair-syair sufi Ibnu al-Farid.

Namun demikian, kamu tidak dilarang untuk membaca sebahagian syair-syair hikmat dan zuhud dengan syarat kamu mesti memanfaatkan sebahagian waktu untuk membaca dan mengingat al-Quran, sunnah dan perkara-perkara yang boleh menambahkan kualiti amal, pengetahuan dan kesolehan peribadi kamu.

"Apakah kamu mengira bahawa sesungguhnya Kami menciptakan kamu secara main-main (sahaja), dan bahawa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?"

(Al-Mukminun: 115)

16. Hati Yang Bersih.

Siramilah hati kamu dengan air cinta dan kasih sayang sebanyak tujuh kali dan air yang ke lapan kamu campur dengan debu maaf orang yang telah menganiaya dan mencaci kamu agar kamu boleh hidup dengan tenang

dan bahagia. Kamu mesti membunuh kala jengking yang bersemayam di hati kamu dengan pisau kesabaran, kelembutan dan kemurahan hati. Kamu mesti menyembelih serigala nafsu kamu yang kerap mengajak kepada keburukan dengan pedang keimanan. Kamu mesti membersihkan halaman roh kamu daripada sampah-sampah fikiran yang buruk dan hina. Kamu juga mesti menanam kebun kamu dengan pohon-pohon hikmat, bunga-bunga pengetahuan dan mawar-mawar ilmu.

17. Seorang Penyair Yang Memenuhi Masa Dan Tempat.

Seorang penyair ini umpama gunung berapi yang meletus yang mengeluarkan lahar dan abu yang sangat panas. Ia umpama banjir yang melibas semua yang melintang di depannya, menumbangkan pokok-pokok dan mencampakkan batu-batu yang ada. Ia memenuhi ruang dengan teriakan pengaduan, kemarahan dan pemberontakan. Ia mengirimkan qasidah-qasidah yang penuh dengan ratapan, jeritan, tangisan dan hikmat. Setiap hari ia menghujani telinga-telinga yang ada dengan berbagai pernyataan protes, kritikan dan kemarahan.

Ia memaksa semua orang untuk mahu mendengarkan, menyaksikan dan memperhatikan dirinya. Qasidah-qasidahnya mendidih di dalam hatinya kerana ia bakar dengan rasa sakit dan kepedihan hati, kemudian ia muntahkan qasidah-qasidah yang panas membara tersebut yang hampir menghanguskan wajah-wajah mereka.

Ia pernah merasakan menyusu puting keyatiman dan kesedihan, menyantap menu kelaparan, mengenakan pakaian kefakiran, kerap bertemankan duka, kesengsaraan dan kezaliman. Ia mengunjungi para raja dan penguasa untuk memuji mereka, tetapi ia cemburu dan iri hati kepada mereka, kemudian ia pun membalikkan semuanya. Ia kembali melawan, marah dan membenci mereka.

Ia memuji para menteri, tetapi kemudian ingat bahawa dirinya jauh lebih mulia berbanding mereka. Ia pun bertaubat dan merasa menyesal ke atas apa yang ia lakukan. Kemudian ia hapus kesalahan tersebut dengan cara memuji dan mengagungkan dirinya sendiri. Ia adalah seorang penyair yang terdesak oleh berbagai keadaan yang menghimpitkan, berbagai musibah dan kesengsaraan, serta hatinya dikoyak oleh berbagai tragedi dan bencana. Ia tenang dan tenang, kemudian pada saat yang sama meraung-raung mencela dan membenci zaman serta saudara-maranya. Ia diam dan diam, tetapi kemudian berteriak mengadukan dan mencela zaman dimana ia hidup. Emosinya mula mereda dan mereka, tetapi kemudian ia meloncat, memberontak, mengkritik, memprotes dan marah. Ia adalah al-Mutanabbi, apakah kamu mengenalinya?

Bersambung di minggu hadapan

INFO FATWA
SYEIKH ALI JUM'AH (MUFTI MESIR)
MASALAH BERSUCI

Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

Pelajaran Empat Ratus Tujuh.

Sambungan dari minggu yang lepas

Ada kisah yang sangat menarik berhubung dengan pembahasan ini. Di satu tempat ada dua orang soleh bekerjasama di dalam 'bisnes gandum. Pada suatu hari, selepas solat Asar, salah seorang daripada mereka datang ke gudang penyimpanan gandum. Tiba-tiba, dengan kehendak Allah S.W.T. gandum tersebut penuh dengan semut. Semut-semut tersebut membawa gandum keluar. Di dalam hati ia berkata, "Pastilah penyebab kedatangan semut ini kerana salah satu di antara kami berdua ada yang berbuat maksiat kepada Allah S.W.T. Kemudian dia cuba meneka perbuatan maksiat apa kiranya yang dilakukan. Tetapi dia tidak menemui jawapannya. Dia pun memutuskan untuk menemui temannya dan berniat memutuskan hubungan kerja sama dengan temannya itu. Ini kerana dia yakin, temannya itulah yang telah melakukan dosa, sehingga semut tersebut dikirim Allah S.W.T. untuk mengganggu gandum mereka itu. Sesampainya di tempat temannya tersebut, dia pula mengutarakan niatnya untuk memutuskan hubungan kerjasama. Temannya berkata dengan nada hairan, "Kenapa? Ada apa yang sedang terjadi?" Lelaki tadipun lantas menceritakan kejadian yang baru saja dia lihat. Dia menyatakan bahawa dia telah mencari kesalahan dirinya, tapi tidak menemui sesuatu di dalam dirinya. Mendengar pernyataan itu, temannya tadi pun meminta sedikit masa untuk meneka kesalahan apa yang dilakukan dan jika memang ada maka dia akan bertaubat kepada Allah S.W.T. atas kesalahan tersebut.

Selang beberapa hari, teman itu pun datang menemui teman niaganya yang telah bertekad untuk memutuskan hubungan perniagaan dengannya. Dia berkata kepada temannya, "Aku telah memikirkan semua perbuatan yang aku lakukan kebelakangan ini. Aku tidak menemui apa-apa kesalahan kecuali satu, iaitu tepat pada hari kejadian datangnya semut tersebut, kita mendapat hadiah sebakul telur. Tapi sengaja memilih telur yang paling besar untukku dan telur yang kecil-kecil untukmu. Meski jumlahnya sama. Tapi aku sengaja memilih yang kecil-kecil untukmu. Sepanjang yang aku ketahui, tidak ada kesalahan yang aku lakukan selain ini. Aku telah bertaubat kepada Allah S.W.T. Sebagai hukuman atas kesalahan itu dan bagi menebus kesalahanku, aku telah bertekad memberikan semua telur

Bersambung di m/s 4 >>>

نَشْتَرِي شَيْئًا

KITA MEMBELI SESUATU

محمود : مَاذَا تَشْتَرِي ؟

Mahmud: Apa yang sedang awak beli?

إبراهيم : أَشْتَرِي الْفَوَاكِهَ.

Ibrahim: Saya sedang membeli buahan-buahan.

محمود : مَاذَا تَشْتَرِي ؟

Mahmud: Apakah buah-buahan yang awak beli?

إبراهيم : أَشْتَرِي التَّفَاحَ وَالْبُرْتُقَالَ وَالرُّمَانَ.

Ibrahim: Saya membeli buah epal, limau dan delima.

<p>Epal : التَّفَاحُ</p> <p>Buah Delima : الرُّمَانُ</p>	<p>المُعْجَمُ : Kamus</p> <p>تَشْتَرِي : Awak membeli</p> <p>أَشْتَرِي : Saya membeli</p>
--	--

SIDANG REDAKSI

PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam
(Ketua Menteri Melaka)

PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad
(Timbalan Pengerusi MAIM)

PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Alias Bin Mad Saad
(Pengarah JAIM)

KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad
Bin Hashim Al-Hafiz
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

EDITOR

Tuan Hj. Ab. Rashid Bin Ab. Rahman
(Bilal Satu)

PENGARANG

Ustaz Hasbullah Bin Selah @ Salim
(Imam Satu)

SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd. Amirudin Bin Ahmad
(Imam Dua)

Tuan Haji Yaacob Bin Abdul Majid
(Imam Rawatib)

Pn. Mahaniza Binti Mahat
(Pembantu Tadbir)

Ustaz Mohd Aidiel Bin Jaapar
(Noja)

Tuan Hj. Borhan Benjamin Bin Abdullah
(Penyambut Tetamu)

JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kuliah Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 8.30 pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kuliah Subuh Ustaz Shukeri Najib b. Ab. Rahim 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 10.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz 8.30 Pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

<< < sambungan dari m/s 3

itu kepadamu, dengan harapan engkau dapat memaafkanku. Laa Ilaaha IllaAllah (sampai sebegitu jauh mereka menghitung kesalahan yang mereka lakukan). Inilah tingkat kesolehan yang tinggi. Kesolehan yang dapat menjaga sesama teman dan rakan. Bagaimanakah jika ada orang yang selalu menghasut teman bisnisnya untuk mendapatkan keuntungan sepihak, iaitu untuknya. Sedangkan temannya yang lain mendapat kerugian.

Akhir kisah tersebut, manakala teman yang bersalah tadi telah bertaubat, maka dengan kehendak Allah S.W.T., semut-semut yang telah membawa gandum itu beberapa hari yang lalu, datang kembali dengan membawa gandum yang dibawanya. Subhanallah, ini adalah salah satu tanda kekuasaan dan kebesaran Allah S.W.T. kiranya dapat menjadi pelajaran bagi hamba-hamba yang beriman kepada Allah S.W.T.

Soalan:

Assalamualaikum... saya mempunyai seorang ibu yang telah tua. Umurnya telah mencapai sembilan puluh tahun lebih. Ia mempunyai kesukaran untuk berwuduk meski sebenarnya di rumah kami ada air tersedia. Apakah ada ke-longgaran bagi orang yang telah uzur seperti ini?

Jawapan:

Semoga Allah S.W.T. memberkati umurnya. Semoga engkau juga mendapat keberkatan daripada kegigihanmu di dalam mengurusinya. Amin. Jawapan daripada per-

tanyaan kamu tersebut adalah sebagai berikut: Kumpulkanlah batu kerikil di dalam kamar ibu kamu. Lalu dengan batu tersebut dia akan bertayammum setiap kali akan melakukan solat. Caranya seperti yang telah kita ketahui, iaitu: Menepuk batu satu kali lalu menyapu muka. Kemudian menepuknya untuk kedua kali lalu menyapu tangan sampai ke dua siku. (Batu kerikil seperti apakah yang dibolehkan? Pecahan-pecahan kerikil atau kerikil biasa atau batu apa saja yang berasal dari atas bumi).

Ini adalah mazhab imam Malik. Dengan kemudahan ini, kita harapkan agar ibu kamu tersebut tidak merasa sulit lagi di dalam bersuci untuk melakukan solat. Sebab dia tidak perlu bergerak dari tempatnya untuk sekadar berwuduk.

Namun satu hal yang perlu diketahui. Satu tayammum hanya dapat digunakan untuk sekali solat. Ertinya, setiap kali dia hendak melakukan solat maka dia wajib bertayammum kembali. Satu tayammum tidak dapat dipakai untuk dua kali solat. Maka setiap kali dia mendengar azan, dia wajib mengulangi tayammumnya kembali.

Bersambung di minggu hadapan

Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim

1.5.2009 - RM 6,035.00

PERINGATAN :

SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI

Diterbitkan oleh : **Masjid Al-Azim Negeri Melaka.**
Rekabentuk berkomputer dan dicetak oleh : **Percetakan Surya Sdn. Bhd.**